

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 04.04.2018**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa model turnkey digunakan untuk penganugerahan projek MRT Line 3 berbanding dengan model PDP yang digunakan untuk Line 1 dan 2. Syarikat mana yang telah mengemukakan tawaran dan bilakah kontrak ini akan dianugerahkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menggunakan model Rakan Pelaksana Projek ataupun *Project Delivery Partner* (PDP) bagi Projek MRT Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang dan MRT Laluan Dua yang menghubungkan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya. Berdasarkan model

ini, pihak PDP bertanggungjawab untuk mengawal selia pembinaan yang melibatkan bahagian bertingkat projek MRT serta mengawasi prestasi kesemua kontraktor-kontraktor. Manakala pembinaan jajaran bawah tanah diselia sepenuhnya oleh MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dilantik untuk melaksanakan projek MRT.

MRT Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang dengan jarak keseluruhan sepanjang 51km mempunyai jajaran landasan bertingkat sejauh 41.5km dari keseluruhan jarak laluan dan selebihnya adalah jajaran bawah tanah. Sementara itu, MRT Laluan Dua yang sedang dibina menghubungkan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dengan jarak keseluruhan 52.2km merangkumi jajaran landasan bertingkat sepanjang 38.7km sementara laluan bawah tanah sepanjang 13.5km. Secara amnya, kedua-dua laluan mempunyai jarak jajaran bertingkat yang lebih panjang daripada jarak jajaran bawah tanah yang telah menjadi faktor untuk mengguna pakai konsep PDP.

Bagi Projek MRT Laluan Tiga (Lingkar), Kerajaan merancang untuk mengguna pakai model *turnkey* memandangkan 85% daripada keseluruhan jajaran Laluan Tiga akan berada di bawah tanah

(*underground*). Berdasarkan pengalaman untuk Projek MRT Laluan Satu dan Laluan Dua, MRT Corp. bertanggungjawab dan mempunyai kepakaran tenaga kerja dalam mengawal selia pembinaan terowong dan stesen-stesen bawah tanah. Selain itu, pihak MRT Corp turut memperolehi pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi daripada pihak PDP sebelum ini untuk mengawal selia projek MRT Laluan Tiga sepenuhnya. Oleh itu, bagi Projek MRT Laluan Tiga, MRT Corp bersedia untuk melaksanakan fungsi PDP dan ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos projek, seterusnya menguntungkan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan untuk tender telah bermula pada 15 November 2017.

Empat petender ialah seperti di bawah:

- Sapura - TIEC Consortium
- MMC-Gamuda - George Kent Joint Venture
- Pacific - Mudajaya - JEC Consortium
- China Communications Construction Company Limited - China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd JV

Penganugerahan kontrak dijangka akan dijalankan dalam suku pertama atau kedua tahun 2018.

Sekian, terima kasih